

**KEMAHIRAN INSANIAH DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR INSTITUT
PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH**

**Kamaruddin Ilias Ph.D,
Mubin Md Noor
Roshidah Abdul Rahman**
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Kolej Matrikulasi Perak

kama.ilias@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kemahiran insaniah dan pencapaian akademik dan melihat hubungan kemahiran insaniah dan pencapaian akademik di kalangan pelajar IPG Kampus Ipoh. Kajian ini telah dijalankan ke atas 70 pelajar semester enam Ijazah Sarjana Muda Perguruan IPG Kampus Ipoh. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik Kemahiran Insaniah daripada Marjorie, Pearly dan Maria Rita (2015) dan pencapaian akademik berasaskan gred subjek semester berkenaan. Instrumen kemahiran insaniah berkenaan mengandungi 4 dimensi iaitu komunikasi, perhubungan dan kolaborasi, pemikiran kritikal, membuat keputusan dan dimensi terakhir ialah inisiatif dan arahan sendiri. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran insaniah dan tahap pencapaian akademik adalah tinggi. Seterusnya terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik. Ini bermakna kemahiran insaniah membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar IPG Kampus Ipoh.

Kata kunci: *Kemahiran insaniah, pencapaian akademik, Pelajar IPG Kampus Ipoh.*

ABSTRACT

This study aims to look at the level of soft skills and academic achievement and the relationship between soft skills and academic achievement among students of Institute Of Teacher Education Ipoh Campus. This study was conducted on 70 students of semester six Bachelor of Teaching in Institute Of Teacher Education Ipoh Campus. This survey study uses Soft Skills questionnaire from Marjorie, Pearly and Maria Rita (2015) and academic achievement based on the grade of the subject of the semester. The soft skills instrument contains four dimensions, namely communication, communication and collaboration, critical thinking, decision making and the last dimension is initiative and self-direction. The findings show that the level of soft skills and the level of academic achievement is high. Also there are a significant relationship between soft skills and academic achievement. This means that soft skills help improve the academic achievement of Institute Of Teacher Education Ipoh Campus students.

Keywords: *Soft skills, academic achievement, Institute Of Teacher Education Ipoh Campus Students.*

PENGENALAN

Kegagalan pelajar menguasai kemahiran insaniah menjadi persoalan utama dalam pendidikan nasional pada masa kini (Mohammad Firros, 2017). Kemampuan pelajar dalam berfikir, memberi pendapat dan cadangan yang bernas dalam menyelesaikan suatu masalah tidak akan mencapai tahap yang sepatutnya (Hazilah *et al.* 2013). Pelajar kurang menguasai kemahiran insaniah merupakan asas yang menjadi pertimbangan majikan untuk memilih pekerja. Oleh itu, lepasan sekolah yang tidak menguasai kemahiran insaniah akan menyebabkan gagal untuk mendapat pekerjaan atau melanjutkan pelajaran kerana pelajar tidak dibekalkan dengan pelbagai kemahiran menyebabkan sukar untuk mendapat pekerjaan (Chew *et al.* 2014; Haslina 2015; Fatahiyah *et al.* 2018). Oleh itu kemahiran insaniah ini mula diterapkan di peringkat sekolah menengah.

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang berfokus kepada pembentukan ketrampilan diri, kemanusiaan dan hubungan dengan manusia (Hazilah *et al.* 2013). Ia bukan bersifat akademik dan mempunyai perkaitan dengan kecergasan minda yang diadaptasi dari situasi sekeliling, kehendak dan kekuatan emosi serta rohani pelajar kepada tindakan yang bersesuaian (Mohd Faizullah, 2014). Pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi mencerminkan personaliti, tingkah laku, cara komunikasi, menyelesaikan sesuatu masalah, membuat sesuatu keputusan, kerjasama berpasukan, kepimpinan dan pembelajaran berterusan. Kemahiran insaniah dalam diri pelajar merupakan satu set kemahiran pembangunan modal insan agar menjadi insan seimbang dan harmoni berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta pegangan teguh kepada prinsip rukun negara (Mohamad Ridzuan *et al.* 2016).

PERNYATAAN MASALAH

Isu graduan kurang kemahiran insaniah telah menjadi satu isu global dan membimbangkan majikan (Cotton, 2001). Majoriti majikan di seluruh dunia mengetahui kebanyakan pemohon kekurangan kemahiran generik. Menurut Mohd. Zaki (2004) dan Robinson (2000), ia adalah sukar untuk mendapatkan pekerja yang dapat menguasai kemahiran generik dengan baik. Trend terkini ialah kebanyakan majikan suka untuk memberi tumpuan kepada kemahiran generik berbanding pengetahuan akademik. Majikan juga memberi penekanan kepada kemahiran generik iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah (Zainuddin *et al.* 2005).

Selain itu, menurut Philips (1997) dan Saemah *et al.*, (2011), majikan sering mencadangkan kepentingan pelajar dalam sistem persekolahan dilengkapi dengan kemahiran insaniah dan mengutamakan graduan yang memiliki kemahiran insaniah. Berdasarkan pengalaman mereka ramai pekerja yang bekerja dengan keadaan yang kurang inisiatif, tidak disemai dengan budaya ilmu yang dapat mendorong pembelajaran sepanjang hayat dan terlalu bergantung pada orang lain untuk membuat keputusan. Perkara ini telah menjadi faktor kepada pengangguran yang meningkat dalam kalangan graduan (Berita Harian, 2007). Shulman (2011) menekankan bahawa pusat pengajaran seharusnya berupaya untuk melaksanakan pemindahan ilmu, kemahiran kepada guru dan mengubah pelajar. Ini bermakna, adalah penting bagi pendidik untuk menyediakan dan menawarkan amalan pengajaran terbaik untuk pelajar dalam memastikan berlaku pemindahan dan proses perubahan. Badrock *et al.*, (2010) pula menyatakan bahawa kemahiran generik sangat diperlukan pendidik yang mahir dan terlatih untuk mengajar sesuatu ilmu dan kemahiran kepada pelajar. Kedua-duanya menekankan kepada kepentingan guru dan pendidik dalam

memainkan peranan membangunkan kemahiran generik. Ini bermakna kualiti pengajaran secara tidak langsung mencerminkan kualiti pembelajaran pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Melihat tahap kemahiran insaniah pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.
- ii. Melihat tahap pencapaian akademik pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh .
- iii. Melihat hubungan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

SOALAN KAJIAN

- i. Apakah tahap kemahiran insaniah pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.
- ii. Apakah tahap pencapaian akademik pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.
- iii. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh .

HIPOTESIS KAJIAN

Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik.

KAJIAN LITERATUR

Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM adalah berada pada tahap tinggi (Jumelan, Juliza Ezaida, 2014). Manakala kajian Kamaruddin (2010), Hadiyanto (2011) serta Hadiyanto dan Suratno (2015) mendapati kemahiran kerja berpasukan dikuasai pada tahap tinggi oleh pelajar. Kamarul Md Shah *et al.* (2017) dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik guru-guru pelatih adalah berada pada tahap sangat baik. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kemahiran generik dan pencapaian akademik guru pelatih. Kajian oleh Badcock *et al.* (2010) menunjukkan bahawa pencapaian akademik iaitu PNG mempunyai hubungan yang positif berkaitan dengan kemahiran generik iaitu dari aspek pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan komunikasi. Dapatan kajian Cronin *et al.* (2007) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang menguasai kemahiran komunikasi akan dapat berkomunikasi dengan baik antara guru, bersama rakan-rakan semasa perbincangan dalam kumpulan, boleh memberikan idea atau pendapat dan dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik. Selain itu, pelajar boleh membuat pembentangan hasil tugas dengan baik apabila selesai membuat tugas yang diberikan oleh guru sepanjang persekolahan mereka. Kemahiran insaniah pelajar juga mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian lepas menunjukkan pencapaian akademik pelajar yang rendah berkaitan dengan kekurangan kemahiran dalam komunikasi dan menulis (Jasim & Khalifa 2019; Ubaka & Ukwe 2019; Gardner *et al.* 2005).

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian ini mengikut rekabentuk *cross sectional* bertujuan melihat tahap kemahiran insaniah, melihat tahap pencapaian akademik pelajar dan melihat hubungan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Menurut Zukarnain dan Hishamuddin (2001) analisis deskriptif digunakan untuk melihat tahap sesuatu pemboleh ubah.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Jumlah populasi ialah seramai 85 pelajar. Sampel kajian ialah seramai 70 pelajar (Krejcie & Morgan, 1970).

Alat Kajian

Instrumen ini mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A ialah demografi responden, Bahagian B ialah instrumen kemahiran insaniah daripada soal selidik kemahiran insaniah daripada Marjorie, Pearly dan Maria Rita (2015). Manakala untuk Bahagian C iaitu pencapaian akademik dengan menggunakan gred subjek semester. Indek ketekalan *Alpha Cronbach* instrumen kemahiran generik ialah 0.90. Cara permarkahan instrumen kemahiran insaniah dengan menggunakan skala Likert dari 1 hingga 5 item iaitu sangat setuju (5), setuju (4), tidak pasti (3), tidak setuju (2) dan sangat tidak setuju (1). Pencapaian akademik pelajar dengan menggunakan gred subjek. Dalam menentukan tahap kemahiran insaniah berdasarkan min iaitu min tahap rendah antara min 0 hingga 1.6, min tahap sederhana antara 1.7 hingga 3.3 dan min tahap tinggi antara 3.4 hingga 5.0. Manakala dalam menentukan tahap pencapaian akademik berdasarkan min iaitu min tahap rendah antara min 0 hingga 1.3, min tahap sederhana antara 1.4 hingga 2.6 dan min tahap tinggi antara 2.7 hingga 4.0.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Berikut ialah profil responden dari segi demografi iaitu jantina dan kaum.

Jadual 1: Taburan responden mengikut demografi

Profil	Bilangan	Peratusan
Jantina Lelaki	20	28.57

	Perempuan	50	71.43
Kaum	Melayu	20	28.57
	Cina	29	41.42
	India	20	28.57
	Lain-lain	1	01.44

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan profil responden mengikut demografi iaitu jantina dan kaum. Dari segi jantina ialah pelajar lelaki sebanyak 28.57% dan pelajar perempuan sebanyak 71.43%. Manakala dari segi kaum, kaum Melayu ialah 28.57 %, kaum Cina ialah 41.42%, kaum India ialah 28.57% dan lain-lain ialah 1.44%.

Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar

Jadual 2: Tahap kemahiran insaniah

Dimensi	Min	Tahap
Komunikasi, perhubungan dan kolaborasi	3.44	Tinggi
Pemikiran kritikal	3.51	Tinggi
Membuat keputusan	3.62	Tinggi
Inisiatif dan arahan sendiri	3.60	Tinggi
Keseluruhan	3.47	Tinggi

Merujuk kepada Jadual 2, min keseluruhan kemahiran insaniah ialah pada tahap tinggi iaitu 3.47. Seterusnya semua dimensi kemahiran insaniah mempunyai tahap tinggi.

Tahap Pencapaian Akademik Pelajar

Jadual 3: Tahap pencapaian akademik pelajar

	Min	Tahap
Pencapaian akademik pelajar	2.70	Sederhana

Merujuk kepada Jadual 3, min keseluruhan pencapaian akademik ialah pada tahap tinggi iaitu 2.70.

Hubungan Kemahiran Insaniah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Ho1 Tidak terdapat hubungan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar.

Jadual 4: Hubungan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar

	Pencapaian akademik	
	r	P
Kemahiran insaniah	0.000	0.542

Berdasarkan Jadual 4, menunjukkan terdapat hubungan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik dengan nilai $p = 0.000$ iaitu lebih kecil daripada nilai $\alpha = 0.05$. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemahiran insaniah dan tahap pencapaian akademik adalah tinggi. Disokong oleh dapatan yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM adalah pada tahap tinggi (Jumelan, Juliza Ezaida, 2014). Manakala kajian Kamaruddin (2010), Hadiyanto (2011) serta Hadiyanto dan Suratno (2015) mendapati kemahiran kerja berpasukan berada pada tahap tinggi. Kamarul Md Shah *et al.* (2017) dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik guru-guru pelatih adalah berada pada tahap sangat baik.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik. Disokong oleh dapatan kajian Kamarul Md Shah *et al.* (2017) yang menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kemahiran generik dan pencapaian akademik guru pelatih. Juga kajian oleh Badcock *et al.* (2010) yang menunjukkan pencapaian akademik iaitu PNG mempunyai hubungan yang positif dengan kemahiran generik iaitu dari aspek pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan komunikasi. Dapatan kajian Cronin *et al.* (2007) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang menguasai kemahiran komunikasi akan dapat berkomunikasi dengan baik antara guru dan bersama rakan-rakan semasa perbincangan dalam kumpulan, boleh memberikan idea atau pendapat dan dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik. Selain itu, pelajar boleh membuat pembentangan hasil tugas dengan baik sepanjang persekolahan mereka.

RUJUKAN

- Badcock, P., Pattison, P., & Harris, K. 2010. Developing generic skills through university study: A study of arts, science and engineering in Australia. *Higher Education*, 60(4): 441-458. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/40864750>
- Berita Harian*. 2007. Kaedah *ranking* tempatan IPT kembalikan peranan sebenar. 7 Ogos 2007.
- Chew Fong Peng & Shashipriya Nadarajah (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Malay Language Education journal- mylej*, vol.4(2): 10–24.
- Cronin, I., Aallen, J., Ellison, P., Marchant, D., Levy, A., & Harwood, C. (2017). The importance of life skills for sports degree students: How they contribute to students' academic performance, health-related quality of life and flourishing. in British association of sport & exercise scienceB/european federation of sport psychology (bases-fepsac) joint conference.
- Cotton, K. 2001. *Developing employability skills*. School Improvement Research Series: Northwest Regional Educational Laboratory
- Fatahiyah Elias, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Maizatul Suraya Muhammad Nor (2018). *Elemen kemahiran insaniah dalam pendekatan berpusatkan pelajar pengajaran akidah sekolah*
- Gardner, C. T., Milne, M. J., Stringer, C. P., & Whiting, R. H. (2005). Oral and written communication apprehension in accounting students: Curriculum impacts and impacts on academic performance. *Accounting Education*, 14 (3): 313-336
- Hazilah Mohd Amin, Johari Jaafar, Zaihosnita Hooda, Saidah Saada & Hamizah Mohd Amina. (2013). Kemahiran insaniah pelajar prasiswazah: Analisis perbezaan jantina. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 61(1): 19–25.
- Haslina Md Yunus, Abdul Razaq Ahmad & Anisa Saleha (2015). Kemahiran insaniah ke arah pembantukan potensi pelajar. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, November, hlm. 198–215.
- Hadiyanto (2011). *The Development of core competencies among Economic students in National University of Malaysia (UKM) and Indonesia (UI)*. Tesis Phd. tidak terbit, Fakulti Pendidikan, UKM, Bangi.
- Jasim, B. J., & Khalifa, M. F. (2019). Evaluation of students' communication skills and academic performance in the University of Baghdad Iraq. *National Journal of Nursing Specialties*, 32(2), 1-10.

- Jumelan, Juliza Ezaida (2014) *Penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM*. Masters tesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamaruddin Md Tahir. (2010). *Penilaian pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah tidak terbit. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Md. Shah, Farah Mukhtar, Hasnah Abdullah, Manoriza Abdul Malek & Zairiniah Mohd. Shukur (2017). Kemahiran generik dan pencapaian akademik dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1)(2017): 69-75.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- Marjorie C. Quieng, Pearly P. Lim dan Maria Rita D. Lucas (2015). 21st century based soft skills: Spotlight on non-cognitive skills in a cognitive-laden Dentistry Program. *European Journal of Contemporary Education*, vol (11), Is.1
- Mohd Faizullah Mohamed (2014). *Penerapan kemahiran insaniah dalam konteks membina insan berkepimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum di universiti*.
- Mohamad Ridzuan Lau, Hishomudin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim, Nabilah Yusof, Norlelawati Arifin (2016). *Kemahiran insaniah dan aktiviti ko-kurikulum di sekolah menengah dan universiti awam*. Paper no: Ilec 2015-267.
- Mohammad Firros Rosool Gani (2017). *Keberkesanan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam Matematik melalui kaedah pembelajaran luar bilik darjah*.
- Mohd Zaki Kamsah (2004). *Developing generic skills in classroom environment: Engineering students perspective*. Conference on Engineering Education (CEE 2004), 14-15 December 2004, Kuala Lumpur.
- Robinson, J. P.(2000). What are employability skills?. *The Workplace*, 5(3): 1-3. Retrieved April 20, 2015, from [http:// www.aces.edu/crd/workforce/publications/employabilityskills](http://www.aces.edu/crd/workforce/publications/employabilityskills)
- Ubaka, C. M., & Ukwe, C. V. (2019). Communication skills and their association with self-reported academic performances of Nigerian pharmacy students. *African Journal of Health Professions Education*, 11(3), 88-95.
- Saemah Rahman, Seri Bunian Mokhtar, Ruhizan Mohd Yassin & Izham Mohd Hamzah (2011). Generic Skills among technical student in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 15: 3713-3717.
- Shulman, L.S.(2011). The scholarship of teaching and learning: A personal account and reflection. *International Journal for the Scholarship of Teaching and Learning*, 5(1). [http://www. georgiasouthern.edu/ijst/](http://www.georgiasouthern.edu/ijst/)

Zainudin Hassan, Mohd Anuar Abdul Rahman, Mohd. Najib Abdul Ghaffar & Kamariah Zakaria.(2005). *Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran kejuruteraan di sekolah menengah teknik di Terengganu*. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Zukarnian Zakaria & Hishamuddin Md Som (2001). *Analisis data menggunakan SPSS WINDOWS*. Johor Baharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.